



7 Februari 2017
SIARAN MEDIA

PROGRAM MUTIARA ILMU ANJURAN ANGKASA DENGAN KERJASAMA ITBM

Kelana Jaya, 7 Februari 2017 - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) pada hari ini telah menganjurkan Program Mutiara Ilmu Anjuran ANGKASA dengan kerjasama Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM) bertempat di Dewan Serbaguna ANGKASA, Wisma Ungku A. Aziz, Kelana Jaya. Program ini telah dirasmikan oleh **Presiden ANGKASA, YBhg. Dato' Hj. Abdul Fattah Hj Abdullah.**

Penganjuran program ini merupakan salah satu usaha ANGKASA membantu meluaskan kefahaman masyarakat mengenai sejarah dan kepentingan berkoperasi dalam meningkatkan taraf sesioekonomi anggota dan mewujudkan peluang pekerjaan bertepatan dengan prinsip koperasi itu sendiri iaitu *Penglibatan anggota dalam ekonomi dan Prihatin terhadap komuniti dan alam sekitar.* Selain dari itu ANGKASA juga berperanan dalam meransang aktiviti perniagaan koperasi dan menggerakkannya mengikut sektor peneraju yang telah dikenalpasti dalam memacu Gerakan Koperasi Negara supaya berdaya saing tidak hanya pada peringkat Nasional malahan juga di peringkat antarabangsa.

Program ini memuatkan Majlis Mutiara Ilmu yang mengupas isi buku yang *bertajuk 'Hayati Nilai Koperasi Semaikan Budi'* yang akan dibincangkan bersama penulis buku tersebut iaitu **Pengerusi Insititut Terjemahan & Buku Malaysia**, yang juga **Pengerusi Koperasi Usahawan Muda Sungai Besar Berhad (KOMUDA)**, YB Tuan **Budiman Mohd Zohdi** dan **Ahli Panel Tribunal Koperasi Malaysia, Dr Hayati Md Salleh.**

ANGKASA berharap dengan penganjuran program ini, anggota koperasi dan masyarakat dapat lebih memahami fungsi ANGKASA sebagai penggerak kepada Gerakan Koperasi Negara dalam menjadi entiti perniagaan berdaya saing dan berintegriti yang menyumbang kepada perolehan dalam menjadi badan jumlah Koperasi Kariah Masjid dapat dipertingkatkan dan pihak-pihak berwajib dapat membantu memperkasakan ekonomi warga Koperasi Kariah Masjid sekaligus menyumbang kepada perolehan koperasi itu sendiri dan ekonomi Negara secara amnya.

ANGKASA

ANGKASA adalah koperasi Apeks yang diiktiraf oleh kerajaan sebagai Badan Puncak Gerakan Koperasi Malaysia. Selain daripada menjalankan khidmat teras seperti menyediakan khidmat potongan gaji kepada kakitangan kerajaan, badan berkanun, kelab, koperasi, kesatuan dan syarikat GLC, ANGKASA turut melaksanakan program transformasi koperasi melalui penyertaan projek ekonomi berimpak tinggi.

Pada masa ini ANGKASA menaungi kira-kira 13, 274 buah koperasi di seluruh negara dengan keanggotaan individu kira-kira 8 juta orang. Jumlah modal syer / yuran anggota adalah sebanyak RM 13.81 billion, jumlah aset RM 123.27 billion dan perolehan sebanyak RM 35.26 billion (sasaran 2015, RM37 billion; sasaran 2020, RM50 billion).
(Sumber statistik: Suruhanjaya Koperasi Malaysia).

ANGKASA telah mendapat pensijilan sistem pengurusan kualiti (ISO 9001:2008) dan sistem pengurusan keselamatan maklumat (ISO 27001:2013) yang diaudit setiap tahun oleh SIRIM QAS International.

Dikeluarkan oleh
Bahagian Komunikasi Korporat ANGKASA
Tel : 03-7884 6493
Faks : 03-7884 6489